

## PERATURAN PEMBAYARAN ZAKAT KEPADA INSTITUSI ZAKAT: SIKAP PENIAGA DAN KESANNYA TERHADAP GELAGAT PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN\*

Ram Al Jaffri Saad\*\*

Kamil Md. Idris\*\*\*

Zainol Bidin\*\*\*\*

### ABSTRACT

*This study is intended to explore and examine the businessmen's attitude towards zakat regulation of the state of Kedah. In the first phase of the study, a small diverse group of businessmen gave us their view on this regulation using Likert procedures. After a thorough examination of the responses 24 items were included in the questionnaire for the second phase of the study. In the second phase, questionnaires were distributed to 700 businessmen. Analysis of the responses showed that businessmen's attitude towards zakat regulation of the state of Kedah is complex and can be divided into five (5) components. Each component was named*

---

\* Artikel ini diubahsuai dari kertas kerja bertajuk “Penerimaan Masyarakat Terhadap Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat” yang telah dibentangkan dalam Bengkel Siswazah Antarabangsa ISDEV IV, Universiti Sains Malaysia, 18-19 Ogos, 2009.

\*\* Lecturer, College of Business, Accounting Building, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, ram@uum.edu.my.

\*\*\* Associate Professor, College of Business, Accounting Building, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, kamil@uum.edu.my.

\*\*\*\* Senior Lecturer, College of Business, Accounting Building, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, b.zainol@uum.edu.my

*and treated as an individual variable in multiple regression analysis. Two components were found to have significant correlation to zakat compliance behaviour. This indicates that view on zakat is a complex latent variable, and it is proposed that for a study to gain informative understanding on zakat attitude, it should first decompose this variable.*

**Keywords:** *attitude, compliance behavior, zakat on business wealth*

## PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam keempat yang wajib dikeluarkan oleh orang Islam yang telah memenuhi syarat-syaratnya. Wang zakat digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pembasmian kemiskinan, peningkatan taraf hidup masyarakat, penyuburan ekonomi dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu, kepentingan hasil zakat kepada negara amnya dan masyarakat Muslim khususnya, tidak dapat disangkal lagi. Jumlah kutipan zakat perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Perkara ini penting bagi memastikan pembangunan ekonomi dan sosial ummah dapat terus diperkasakan..

Pendapatan zakat dikumpul daripada beberapa sumber seperti perniagaan, pendapatan gaji, emas dan sebagainya. Daripada sumber-sumber ini, perniagaan merupakan penyumbang kedua terbesar kutipan zakat di seluruh negara. Walaupun kutipan zakat perniagaan meningkat dari setahun ke setahun, namun jumlahnya dikatakan tidak mencerminkan jumlah kutipan sebenar yang boleh dikutip oleh institusi zakat. Hal ini menunjukkan bahawa kutipan zakat perniagaan masih lagi rendah di negara kita. Sebagai contoh, terdapat hanya 10% peniaga sahaja daripada 5,000 peniaga yang layak membayar zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berbuat demikian.<sup>1</sup> Bagi negeri Perlis, terdapat hanya 58 peniaga daripada 1,329 peniaga membayar zakat perniagaan<sup>2</sup>. Terdapat juga laporan yang mendedahkan bahawa hanya 20% syarikat perniagaan milik orang Islam di negara ini membayar zakat perniagaan<sup>3</sup>.

<sup>1</sup> Abdul Rahim Abdul Rahman (2005), “Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat”, dalam Abdul Halim Mohd Nor (ed.), *Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*, Vol. 1, Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia (IkaZ).

<sup>2</sup> *Data Kutipan Zakat Perniagaan* (2007), Pejabat Zakat Negeri Perlis, Kangar, Perlis.

<sup>3</sup> Foad Mohd Helmi (2002), “Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat”, *Utusan Malaysia*, 4 Mei 2002.

Fenomena gelagat kepatuhan yang rendah tentulah berpunca daripada pelbagai faktor. Satu daripadanya ialah faktor persekitaran seperti agen ekonomi, undang-undang, penguatkuasaan dan sebagainya. Di Malaysia, urusan berkaitan zakat telah lama diinstitusikan di dalam undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam negeri-negeri<sup>4</sup> dan juga undang-undang berkaitan zakat yang ada di sesetengah negeri. Pentadbiran dan pengurusan zakat diurus oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mempunyai tanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan kelancaran pelaksanaan zakat. Institusi zakat bertindak sebagai sebuah agen ekonomi yang sering menjadi perhatian masyarakat. Sebagai sebuah agen ekonomi, institusi zakat mempunyai tanggungjawab yang besar dan seringkali menggunakan undang-undang dan penguatkuasaan sebagai satu cara bagi tujuan kutipan zakat. Undang-undang yang jelas di samping penguatkuasaan yang menyeluruh dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab berzakat.

Di Malaysia, hampir ke semua negeri mempunyai undang-undang yang mewajibkan pembayaran zakat dibuat kepada institusi zakat. Umpamanya, di negeri Kedah, Undang-undang Zakat Tahun 1374H (1955M): Seksyen 9 menyebut bahawa ‘tiada sah di sisi undang-undang dan syarak bagi mana-mana orang atau pihak mengutip zakat dalam negeri ini dan tiada sah zakat yang diberi pada mana-mana orang atau pihak itu’. Kedudukan ini menunjukkan bahawa zakat yang dibayar bukan melalui institusi zakat adalah dikira sebagai tidak sah. Malah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan<sup>5</sup> telah memutuskan bahawa mereka yang mengagih zakat sendiri adalah berdosa kerana tidak mengikut arahan pemerintah.

Pelanggaran kepada undang-undang ini boleh menyebabkan seseorang didenda atau dihukum penjara. Walaubagaimanapun, undang-undang zakat ini dipandang sepi dan seolah-olah tidak dihiraukan oleh masyarakat<sup>6</sup>. Undang-undang tersebut juga tidak memberi sebarang kesan kepada mereka. Hal ini telah menyebabkan sebahagian besar daripada mereka melaksanakan zakat mengikut kefahaman dan tafsiran sendiri. Sehubungan itu, ramai di kalangan mereka memberi alasan untuk tidak membayar zakat dan ada pula pembayaran

---

<sup>4</sup> Aidit Ghazali (1989), “Fenomena Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi -Satu Analisis Empirik”, dalam Mohd Ali Baharom (ed.), *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, hh. 1-27.

<sup>5</sup> JAKIM, “Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat”, 17 Januari 2007.

<sup>6</sup> Aidit Ghazali (1989), *op.cit.*, hh. 1-5.

zakat dibuat melalui saluran tidak rasmi seperti membayar terus kepada asnaf.

Fenomena seperti yang dibincangkan di atas telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai sikap masyarakat terhadap undang-undang yang mewajibkan pembayaran zakat dibuat kepada institusi zakat. Apakah bentuk sikap masyarakat terhadap undang-undang ini? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya? Adakah bentuk sikap ini memberi kesan kepada gelagat kepatuhannya? Jika ia memberi kesan, bagaimanakah institusi zakat boleh memperbaikinya supaya masyarakat dapat menerima dan seterusnya mematuhi undang-undang ini? Jawapan kepada persoalan-persoalan ini memerlukan satu kajian terperinci dilakukan. Namun, masih sukar ditemui kajian yang cuba memberi penjelasan mengenai perkara ini. Ketiadaan kajian seperti ini agak memeranjatkan kerana potensi zakat perniagaan sebagai penyumbang kepada kutipan zakat secara keseluruhannya adalah sangat besar. Justeru, kajian secara empirik wajar dijalankan kerana ia merupakan satu petunjuk kepada bentuk sikap masyarakat terhadap institusi zakat dan bagaimana kutipan zakat boleh ditingkatkan lagi pada masa hadapan. Malah, pemahaman yang mendalam mengenai punca masalah ini juga dapat dijadikan satu garis panduan bagi membentuk strategi ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya peniaga tentang kewajipan menunaikan zakat perniagaan. Justeru, kajian ini merupakan inisiatif awal bagi memberi penjelasan berkaitan bentuk sikap peniaga terhadap pembayaran zakat melalui institusi zakat dan kesannya kepada gelagat kepatuhan zakat perniagaan.

## ULASAN KARYA

### Pengurusan dan Pentadbiran Zakat

Pengurusan dan pentadbiran hal ehwal zakat dilakukan oleh pemerintah sesebuah negara. Hal ini bagi memastikan pelaksanaannya dapat berjalan secara rapi dan teratur. Yusuf Qardawi<sup>7</sup> telah mengemukakan beberapa hujah berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dan hadis berkenaan hubungan pemerintah dengan zakat. Beliau menyatakan bahawa urusan zakat adalah urusan pemerintah dan bukannya urusan bersifat peribadi. Pemerintah atau wakilnya merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam segala urusan berkaitan zakat bermula dari proses kutipan hingga ke peringkat agihan<sup>8</sup>. Perkara ini terbukti

<sup>7</sup> Yusuf Qardawi (1988), *Hukum Zakat*, Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hassanuddin (terj.), Singapura: Pustaka Nasional, hh. 545-561.

<sup>8</sup> *Ibid.*

kerana pada zaman Rasulullah SAW segala urusan berkaitan zakat adalah diletakkan di bawah bidang kuasa pemerintah. Baginda telah mengutuskan beberapa orang amil di kalangan para sahabat untuk mengurus dan mengelola urusan zakat<sup>9</sup>.

Di Malaysia, undang-undang zakat telah dikanunkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, ianya tertakluk di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)<sup>10</sup>. Kuasa undang-undang ini diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu atau Enakmen Zakat Negeri<sup>11</sup>. Daripada enakmen-enakmen tersebut, maka terbentuklah peraturan-peraturan zakat yang boleh dikuatkuasakan. Pada kebiasaannya, langkah penguatkuasaan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri (JHEIN). Baitul mal atau jabatan zakat negeri yang ditubuhkan di bawah JHEIN diberi kuasa untuk mengendalikan urusan zakat. Antara bentuk kuasa yang terletak di bawah baitul mal atau jabatan zakat negeri termasuklah hal taksiran, pungutan dan agihan zakat. Oleh sebab undang-undang zakat setiap negeri diwujudkan oleh MAIN masing-masing, maka setiap negeri mempunyai undang-undang yang tersendiri. Sebagai contoh, undang-undang zakat negeri Kedah dikendalikan oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah<sup>12</sup> yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah<sup>13</sup>. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengeluarkan fatwa-fatwa mengenai zakat untuk diwarta dan dikuatkuasakan.

Pada masa sekarang, terdapat juga negeri-negeri yang telah menswastakan unit baitul mal dengan menubuhkan pusat-pusat urus zakat (PUZ) di

---

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Siti Mashitoh Mahmood (2007), “Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan”, (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, PWTC Kuala Lumpur).

<sup>11</sup> Mohd Ali Baharom (1989), “Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia”, dalam Mohd Ali Baharom (ed.), *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, hh. 29-53.

<sup>12</sup> Mohd Daud Bakar (1998), “The Malaysian Zakat System: Law and Policy Reform”, (Kertas kerja dibentangkan di Seminar Zakat dan Percukaian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur).

<sup>13</sup> Jawatankuasa ini terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri (sebagai pengerusi), empat pegawai daerah daripada kawasan utama penanaman padi, Kadi Besar dan empat Kadi daripada kawasan utama penanaman padi, Setiausaha Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah, Setiausaha Sulit Sultan dan lapan orang alim ulama.

negeri masing-masing<sup>14</sup>. Tujuannya ialah bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran zakat dilaksanakan secara lebih profesional dan berkesan. Antara PUZ yang ditubuhkan di negeri-negeri ialah Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP) Majlis Agama Islam Pahang, Pusat Urus Zakat (PUZ) Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Bagi negeri Selangor pula, tugas dan tanggungjawab ini terletak di bawah pentadbiran Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS).

### Peraturan Zakat Negeri Kedah

Undang-undang Zakat di Kedah telah wujud sejak tahun 1955. Undang-undang ini bermula dengan suatu notis, iaitu “*I'lān al-Naṣīḥat min Khuṣūṣ al-Zakāt*” atau “Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkut Dengan Perkara Zakat”<sup>15</sup>. Undang-undang zakat ini telah digubal dan dipinda dari semasa ke semasa. Pada masa kini, urusan pentadbiran zakat di negeri Kedah adalah tertakluk kepada Undang-undang Zakat Tahun 1374H (1955M), Enakmen Zakat (Pindaan Keempat) 1987 (Enakmen Bil. 3 Tahun 1988) dan Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982<sup>16</sup>.

Undang-undang zakat Kedah mengandungi 9 peruntukan dan merupakan undang-undang induk berkaitan zakat di negeri ini. Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mewujudkan komiti zakat untuk mentadbir dan menjaga urusan berkaitan zakat. Ia juga menyediakan peruntukan yang boleh mendakwa mana-mana pihak yang enggan membayar zakat kepada institusi zakat. Peraturan Zakat Kedah 1982 telah menetapkan denda tidak kurang daripada RM600 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan bagi kesalahan-kesalahan seperti sengaja memalsukan fakta zakat, enggan membayar zakat, membayar zakat kepada pihak luar yang bukan dilantik oleh pemerintah, menghasut orang lain supaya tidak membayar zakat dan memindah milik harta dengan tujuan mengelak daripada zakat. Undang-undang ini dengan jelas memperuntukan kuasa penuh kepada institusi zakat bagi menghukum masyarakat yang enggan membayar zakat kepada pemerintah.

<sup>14</sup> Siti Mashitoh Mahmood (2007), *op.cit.*, hh. 1-21.

<sup>15</sup> Mohammad Azam Hussain & Zuryati Mohamed Yusoff (2005), “Undang-undang Zakat Di Negeri Kedah: Satu Tinjauan”, *Ulum Islamiyyah – The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 4 (1), hh. 63-86.

<sup>16</sup> *Ibid.* hh. 67-76.

## Teori Sikap

Sikap merupakan faktor yang berpengaruh terhadap tingkah laku seseorang. Menurut Mueller proses membuat keputusan oleh individu adalah dipengaruhi oleh sikapnya sama ada terhadap benda, peristiwa atau organisasi. Sikap positif akan mempengaruhi tingkah laku secara positif, manakala sikap negatif akan memberi impak negatif kepada tingkah laku tersebut.<sup>17</sup> Perkara ini bermaksud seseorang akan bertindak melakukan sesuatu sekiranya beliau menilai perlakuan sesuatu gelagat adalah positif bagi dirinya dan sebaliknya berlaku sekiranya beliau menilai sesuatu gelagat sebagai negatif baginya.

Teori dan kajian-kajian lepas telah mentakrifkan sikap dari pelbagai aspek dan konteks. Secara ringkasnya, pentafsiran mengenai sikap ini dapat dikategorikan kepada dua bentuk aliran pemikiran, iaitu (1) sikap merupakan faktor satu bentuk penilaian individu terhadap gelagat, dan (2) sikap merupakan satu bentuk kepercayaan, perasaan dan kecenderungan terhadap gelagat. Kelompok pertama aliran pemikiran ini dipelopori oleh ahli psikologi terkenal, iaitu Ajzen yang cenderung berhujah bahawa sikap adalah berdimensi tunggal.<sup>18</sup> Aliran pemikiran kedua pula dipelopori oleh Alport yang berhujah bahawa sikap bukannya berdimensi tunggal tetapi mempunyai pelbagai dimensi. Aliran pemikiran ini mendakwa bahawa sikap adalah suatu konstruk yang luas dan kompleks.

Dalam aliran pemikiran pertama, Ajzen mentakrifkan sikap sebagai satu bentuk penilaian individu ke atas sesuatu gelagat. Bentuk penilaian ini akan menghasilkan dua kategori kepercayaan, iaitu sama ada perlakuan sesuatu gelagat itu menguntungkan dirinya atau tidak. Penilaian yang menguntungkan akan mempengaruhi gelagat secara positif manakala penilaian tidak menguntungkan akan mempengaruhi gelagat secara negatif.<sup>19</sup>

Bagi aliran pemikiran kedua, Alport (dalam nukilan Ajzen)<sup>20</sup> mendakwa bahawa sikap merupakan suatu kesediaan mental dan fizikal yang membentuk pengaruh ke atas tindakan seseorang. Bentuk kesediaan seseorang ini mencerminkan tiga asas kedudukan, iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Sebelum sesuatu perlakuan dilakukan, ketiga-tiga asas ini memainkan peranan secara serentak dan bersama-sama. Sebagai contoh, dalam hal pembayaran

<sup>17</sup> Mueller, D. J. (1986), *Measuring Social Attitudes*, New York: Teachers College.

<sup>18</sup> Ajzen, Icek (2005), *Attitudes, Personality and Behavior*, (Second edition), New York:Open University Press, hh. 3-4.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

zakat perniagaan, peniaga akan menilai ketiga-tiga asas ini terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan sama ada mahu membayar zakat atau tidak kepada institusi zakat. Kenyataan yang mempunyai elemen kognitif seperti “Membayar zakat merupakan tuntutan agama” menggambarkan idea dan kepercayaan peniaga ke atas gelagat pembayaran zakat. Kenyataan seperti “Saya puas hati membayar zakat kepada pejabat zakat” merupakan kenyataan yang mempunyai asas afektif yang berkait dengan perasaan peniaga mengenai pembayaran zakat. Kenyataan seperti “Saya bersedia untuk membayar zakat” menunjukkan asas tingkah laku atau kecenderungan peniaga untuk membayar zakat. Penilaian ini berlaku secara serentak dan saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh itu, bagi melihat peranan sikap terhadap sesuatu gelagat, adalah wajar diteliti terlebih dahulu sama ada ianya berbentuk kompleks atau mudah.

### Kompleksiti Sikap

Kajian ini mengambil pendekatan bahawa sikap merupakan satu konstruk yang mempunyai pelbagai dimensi dan konsisten dengan aliran pemikiran yang dipelopori oleh Alport. Kamil dan Ahmad Mahdzan<sup>21</sup> menjelaskan bahawa sikap boleh dijelaskan melalui ciri-ciri tertentu, iaitu sama ada ciri-ciri yang mudah atau kompleks atau kedua-duanya. Ketiga-tiga asas dalam sikap, iaitu afektif, kognitif dan kecenderungan gelagat adalah saling bertaut dan berbeza-beza secara teorinya. Keadaan ini dapat mempengaruhi skor bagi sikap secara langsung yang mungkin sama dicatatkan oleh dua individu berlainan yang dibuat atas dasar penilaian yang berbeza<sup>22</sup>. Sebagai contoh, dua individu mempunyai skor yang sama bagi sikap terhadap pasaraya. Walau bagaimanapun, asas penilaian yang dilakukan oleh kedua-dua individu ini adalah berbeza. Individu A mengunjungi pasaraya X kerana terpikat dengan tawaran iklan dan potongan harga yang ditawarkan. Tetapi individu B pula mengunjungi pasaraya kerana kualiti barang dan perkhidmatan yang terdapat di sana adalah sangat memuaskan hatinya.

Ketepatan mengukur sikap sama ada ianya kompleks atau tidak sangat berkait rapat dengan objek sikap yang hendak dikaji. Objek sikap yang mudah seperti baju, pensil dan buah epal tidak menunjukkan bahawa wujud percanggahan pendapat mengenainya. Objek tersebut adalah mudah dan fungsinya pula adalah bersifat tunggal. Namun, objek yang kompleks seperti

<sup>21</sup> Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002), “Peranan Sikap Dalam Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji”, *Analisis*, 9 (1 & 2), hh. 171-191.

<sup>22</sup> *Ibid.*

fungsi sesebuah organisasi, sesuatu peristiwa dan sebagainya merupakan objek yang melibatkan pandangan orang ramai mengenainya. Dalam konteks institusi zakat misalnya, sesetengah masyarakat mungkin berpendapat bahawa pengurusan dan pentadbiran institusi dilaksanakan dengan baik dan cekap tetapi pada masa yang sama ada pula kumpulan masyarakat yang berpandangan bahawa institusi zakat gagal memainkan peranan berkesan dalam soal kutipan dan agihan zakat. Perkara ini menunjukkan bahawa sikap terhadap pembayaran zakat kepada institusi zakat adalah kompleks kerana fungsinya adalah pelbagai. Justeru, ianya wajar dikaji dalam aspek kompleksitinya.

Hakikat bahawa sikap adalah kompleks telah menyebabkan ramai penyelidik menggunakan pelbagai pendekatan dengan prosedur-prosedur tertentu untuk mengukur sikap.<sup>23</sup> Setiap pendekatan mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Namun, secara keseluruhannya, pendekatan-pendekatan tersebut adalah bertujuan untuk memudahkan penyelidik mengenal pasti dan memahami dengan jelas sesuatu objek sikap daripada satu konsep yang kompleks kepada konsep dan bentuk yang lebih mudah dan senang difahami<sup>24</sup>. Satu daripada pendekatan yang sering digunakan ialah pendekatan menstruktur sikap kepada beberapa bentuk latitud sikap<sup>25</sup>. Pendekatan yang berasaskan pertimbangan sosial ini menjelaskan bahawa elemen sikap, iaitu kognitif dan afektif berlaku secara serentak semasa seseorang sedang dalam proses membuat keputusan. Berdasarkan kepada pandangan setiap elemen dalam sikap adalah terikat dan sukar dipisahkan, Sherif dan Hovland<sup>26</sup> telah memperkenalkan teori sikap yang dikenali sebagai Teori Latitud Sikap (TLS).

Secara umumnya, TLS menyatakan bahawa sikap hendaklah diukur secara latitud, iaitu satu selang kedudukan sikap yang mana seseorang boleh atau tidak

<sup>23</sup> Hagger, Mark. S. & Chatzisarantis, Nikos L. D. (2005), "First- and Higher-order Models of Attitudes, Normative Influence and Perceived Behavioural Control in The Theory of Planned Behaviour", *British Journal of Social Psychology*, 44(4), h.h 513-535; Kamil Md. Idris (2002), "Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji Di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan Negeri Kedah", (Tesis PhD tidak diterbit, Universiti Utara Malaysia, Sintok); Rhodes, Ryan E. & Courneya, Kerry S. (2003), "Investigating Multiple Components of Attitude, Subjective Norm and Perceived Control: An Examination of The Theory of Planned Behaviour in the Exercise Domain", *British Journal of Social Psychology*, 42, hh. 129-146; Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002), *op.cit.*, hh. 171-191.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Sherif, Muzafer & Hovland, Carl I. (1961), "*Social Judgement: Assimilation and Contrast Effects in Communication and Attitude Change*", New Haven: CT: Yale University Press.

<sup>26</sup> Sherif, Muzafer & Hovland, Carl I. (1961), *op.cit.*, hh. 1-218.

boleh menerima sesuatu objek sosial (institusi, isu dan sebagainya). Konsep ukuran sikap berdasarkan latitud ini terbahagi kepada tiga keadaan, iaitu latitud penerimaan, latitud penolakan dan latitud tanpa komitmen. Latitud penerimaan adalah satu set kedudukan sikap yang menunjukkan bahawa seseorang dapat menerima dengan baik sesuatu objek sosial manakala latitud penolakan pula adalah sebaliknya, iaitu set kedudukan sikap yang menolak atau membantah sesuatu objek sosial. Sementara itu, latitud tanpa komitmen pula adalah satu set kedudukan sikap tanpa arah yang mana dikatakan seseorang itu tidak menerima dan tidak pula menolak sesuatu objek sosial. Justeru, dalam hal berkaitan zakat perniagaan, kedudukan sikap peniaga terhadap pembayaran zakat di pejabat zakat sangat berkait rapat dengan penerimaan, penolakan dan keadaan tanpa komitmen. Atas dasar inilah kajian ini mengambil pendekatan bagi mengkaji sikap dengan lebih mendalam bagi mengetahui komponen-komponennya serta perkaitan setiap komponen tersebut dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan.

## KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Literatur ada melaporkan kajian-kajian yang secara langsung melihat hubungan antara sikap masyarakat berhubung sesuatu isu atau organisasi terhadap gelagat kepatuhan. Dalam bidang zakat, Kamil dan Ahmad Mahdzan mengkaji peranan sikap penjawat awam persekutuan terhadap fatwa kewajipan zakat gaji dan kesannya terhadap gelagat kepatuhan. Mereka telah memecahkan sikap kepada lima komponen, iaitu sikap positif, sikap was-was, sikap bersyarat, sikap am dan sikap teknikal. Kajian mereka mendapati bahawa komponen sikap positif, sikap was-was dan sikap bersyarat berkait secara positif dan signifikan dengan gelagat kepatuhan zakat gaji.<sup>27</sup> Kamil *et al.* turut melaporkan bahawa sikap pekerja Muslim terhadap fatwa zakat gaji boleh diklasifikasikan kepada antara empat hingga tujuh komponen. Sementara itu, dalam kajian memahami niat gelagat kepatuhan pekerja awam dan swasta terhadap pembayaran zakat gaji, kajian mereka mendedahkan bahawa sikap am dan sikap tanpa syarat didapati mempengaruhi niat gelagat kepatuhan zakat gaji secara positif.<sup>28</sup>

Kajian-kajian dalam bidang lain turut melaporkan hubungan signifikan antara sikap dengan gelagat. Sebagai contoh, Conner dan McMillan mendapati bahawa sikap seseorang terhadap penggunaan dadah jenis kanabis mempunyai hubungan

<sup>27</sup> Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002), *op.cit*, hh. 171-191.

<sup>28</sup> Kamil *et. al* (2006), “Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian Di Malaysia”, (Manuskrip Projek IRPA tidak diterbit, Universiti Utara Malaysia, Sintok).

dengan gelagatnya untuk menggunakan dada tersebut.<sup>29</sup> Giles dan airns pula melaporkan hubungan antara sikap terhadap derma darah dengan gelagat untuk menderma darah.<sup>30</sup> Sikap juga didapati berhubungan secara signifikan dengan penggunaan produk soya<sup>31</sup>. Dalam bidang percukaian, Bobek dan Hartfield serta Hanno dan Violette mendapatkan bahawa sikap terhadap pembayaran cukai menjadi penentu kepada gelagat pembayaran cukai.<sup>32</sup>

Sejajar dengan kajian-kajian tersebut, kajian ini meninjau sikap peniaga terhadap undang-undang yang menghendaki zakat dibayar kepada institusi zakat. Pelbagai persepsi dilontarkan oleh mereka mengenai institusi zakat kerana peranan yang dimainkan oleh institusi dalam urusan berkaitan zakat adalah sangat luas dan pelbagai. Tugas dan peranan ini meliputi tanggungjawab mengutip dan mengagih wang zakat, mengadakan promosi, meningkatkan kesedaran masyarakat kepada tanggungjawab berzakat dan lain-lain lagi. Imej dan reputasi yang dibawa oleh pihak ini sentiasa menjadi perhatian masyarakat. Sikap positif masyarakat terhadap institusi zakat dapat meningkatkan jumlah pembayar dan jumlah kutipan zakat. Namun, sikap negatif menyebabkan masyarakat membayar zakat kepada saluran tidak rasmi.<sup>33</sup>

---

<sup>29</sup> Conner, M., & McMillan, B. (1999), "Interaction Effects in the Theory of Planned Behavior: Studying Cannabis Use", *British Journal of Social Psychology*, 38, hh. 195-222.

<sup>30</sup> Giles, M. & Cairns, E (1995), "Blood Donation and Ajzen's Theory of Planned Behavior: An Examination of Preceived Behavioral Control", *British Journal of Social Psychology*, 34, hh. 173-188.

<sup>31</sup> Rah, Jee Hyun, Hasler, Clare M., Painter, James E. & Chapman-Novakofski, Karen M. (2004), "Applying the Theory of Planned Behavior to Women's Behavioral Attitudes on Consumption of Soy Products", *Journal of Nutrition Education Behavior*, 36, hh. 238-244.

<sup>32</sup> Bobek, Donna D. & Hatfield, Richard C. (2003), "An Investigation of the Theory of Planned Behavior and the Role of Moral Obligation in Tax Compliance", *Behavioral Research in Accounting*, 15, hh. 13-38; Hanno, Dennis M. & Violette, George R. (1996), "An Analysis of Moral and Social Influences on Taxpayer Behavior", *Behavioral Research in Accounting*, 8, hh. 57-75.

<sup>33</sup> Aidit Ghazali (1989), *op.cit.*, hh. 1-28; Mohd Safri Mahat (2006), "Zakat Perniagaan: Cabaran Pelaksanaan di Malaysia", dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan Bangi*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 174-197; Muhammad Syukri Salleh (2006), "Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis", dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan Bangi*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 213-227.

## METODOLOGI

### Subjek dan Prosedur

Unit analisis dalam kajian ini terdiri daripada peniaga tunggal dan perkongsian di sekitar negeri Kedah. Rangka persampelan kajian terdiri daripada peniaga Muslim yang aktif menjalankan perniagaan. Bagi tahun 2006, terdapat 43,017 perniagaan Muslim yang aktif di negeri Kedah<sup>34</sup>. Prosedur kaedah persampelan rawak mudah menggunakan ‘Statistical Packages for Social Science’ (SPSS) versi 15.0 dilakukan ke atas senarai peniaga tersebut. Nama-nama yang telah dipilih daripada senarai sampel dihantarkan soal selidik ke alamat masing-masing melalui pos.

### Pengukuran Sikap

Bagi mengkaji sikap peniaga terhadap institusi zakat, kajian ini menggunakan pendekatan yang sama seperti Kamil dan Ahmad Mahdzan<sup>35</sup> bagi tujuan membina instrumen kajian. Prosedur kaedah Likert digunakan kerana ia mempunyai korelasi yang tinggi berbanding dengan kaedah-kaedah lain untuk mengukur objek kajian ini<sup>36</sup>. Langkah pertama pembinaan instrumen melibatkan proses pengumpulan kenyataan-kenyataan daripada sebilangan kecil peniaga berkaitan pembayaran zakat kepada institusi zakat. Bentuk kenyataan ini dipecahkan kepada tiga kumpulan utama, iaitu kenyataan berunsur kognitif (kepercayaan), afektif (perasaan) dan tingkah laku. Kenyataan-kenyataan dikumpul melalui kiriman soal selidik secara serahan tangan dan melalui email peniaga industri kecil dan sederhana negeri Kedah yang diperolehi daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)<sup>37</sup>.

Setelah selesai proses penyerahan soal selidik, sebanyak 100 kenyataan berunsur kepercayaan, perasaan dan tingkah laku berjaya dikumpulkan. Antara contoh kenyataan yang diterima ialah “membayar zakat kepada pejabat zakat Kedah dapat menyucikan harta perniagaan saya” dan “Saya berpuas hati bayar

<sup>34</sup> Mohd Sani Harun (2007), “Data Pecahan Kutipan Zakat Perniagaan 2006”, Jabatan Zakat Negeri Kedah, Alor Star.

<sup>35</sup> Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002), *op.cit.*, hh. 171-191.

<sup>36</sup> Hair, Joseph F., Black, William C., Babin, Barry J., Anderson, Rolph E. & Tatham, Ronald. L. (2006), *Multivariate Data Analysis*, Sixth Edition, New Jersey: Pearson International Edition.

<sup>37</sup> Alamat emel mereka diperolehi melalui laman web:<https://secure.smeinfo.com.my/directory/search.php>.

zakat kepada pejabat zakat Kedah daripada orang perseorangan". Kenyataan-kenyataan ini diteliti dan diubah suai bagi mengelak sebarang pertindihan kandungan atau pengulangan isi yang sama. Selepas proses ini dilakukan, terdapat 24 kenyataan disenaraikan dalam soal selidik. Item-item ini dimuatkan ke dalam soal selidik dengan setiap item kemudian diberi ukuran dengan menggunakan skel Likert 5 mata. Skel dikategorikan kepada skor 1 mata, iaitu bagi kenyataan "sangat tidak setuju" dan seterusnya sehingga "sangat setuju" bagi skor 5 mata. Sebaliknya, bagi item-item negatif, skor setiap item adalah bertentangan dengan kenyataan positif. Hal ini bermakna setiap jawapan "sangat setuju" diberi 1 mata dan seterusnya sehingga kepada "sangat tidak setuju" skornya 5 mata. Jawapan yang menghasilkan skor yang tertinggi, iaitu 120 mata (24 item x 5 mata) menunjukkan sikap yang sangat positif terhadap pembayaran zakat secara sah. Sebaliknya, sel skor yang terendah, iaitu 24 mata (24 item x 1 mata) mencerminkan sikap yang sangat negatif terhadap gelagat tersebut. Item-item ini diuji terlebih dahulu di peringkat kajian rintis (*pilot study*) bagi menilai kedudukan tahap kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahihan (*validity*) sebelum diedarkan kepada subjek kajian. Kesemua soalan yang digunakan telah melepassi ujian kebolehpercayaan dan kesahihan di peringkat kajian rintis sejajar dengan saranan Hair *et al.*<sup>38</sup>

### Teknik Analisis

Analisis dalam kajian ini terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa penilaian kedudukan instrumen dari segi kebolehpercayaan dan kesahihan dan fasa menentukan hubungan antara sikap dengan gelagat kepatuhan. Kebolehpercayaan sesuatu instrumen adalah penting bagi melihat sama ada instrumen tersebut secara konsisten atau tidak mengukur konsep yang diukur. Nilai Cronbach alpha 0.70 atau lebih menunjukkan kebolehpercayaan yang baik dan nilai 0.60 masih boleh diterima bagi kajian di peringkat penerokaan<sup>39</sup>. Bagi tujuan kesahihan, ujian kesesuaian dan ujian identiti matriks data diperiksa menggunakan ukuran '*Kaiser-Meyer-Olkin*' (KMO) dan '*Bartlett Test of Sphericity*'. KMO merupakan ukuran kecukupan persampelan manakala '*Bartlett Test of Sphericity*' dapat menguji sama ada matriks korelasi adalah matriks beridentiti atau tidak. Nilai KMO yang menunjukkan kesesuaian penggunaan analisis faktor penerokaan adalah berada pada kedudukan 0.70 dan ke atas manakala nilai di bawah 0.50 adalah tidak boleh diterima<sup>40</sup>. Nilai

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

'Bartlett Test of Sphericity' yang menunjukkan matriks korelasi adalah bukan matriks beridentiti mestilah signifikan (Sig. = 0.000).

Selepas ujian-ujian ini dipenuhi, analisis faktor dilakukan bagi melihat komponen-komponen dalam konstruk penerimaan masyarakat terhadap peraturan zakat. Proses ini dijalankan dengan menggunakan analisis komponen prinsipal dengan putaran varimax. Kewujudan sesuatu komponen ditentukan berdasarkan nilai eigen dan peratusan varian diterang. Nilai eigen yang melebihi 1.0 bagi setiap komponen adalah signifikan bagi membentuk satu komponen<sup>41</sup>. Komponen yang signifikan akan diteliti dari aspek beban faktor yang terkandung di dalamnya. Nilai beban faktor sekurang-kurangnya 0.30 dan ke atas adalah signifikan bagi menjelaskan varian sebanyak 25% bagi sesuatu item<sup>42</sup>. Seterusnya, setiap komponen yang signifikan dianggap angkubah tersendiri dengan membawa skor terkumpul (*summated score*). Skor terkumpul merupakan jumlah skor bagi setiap item yang mewakili sesuatu komponen.

Setelah instrumen ini telah mencapai tahap kebolehpercayaan, kesahihan dan memenuhi kriteria bagi dikenalpasti sebagai satu komponen, analisis regresi berganda (*multiple regression analysis*) diaplifikasi. Dalam prosedur analisis ini, gelagat kepatuhan zakat perniagaan merupakan pemboleh ubah bersandar yang diramalkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar yang diwakili oleh komponen-komponen sikap yang terhasil daripada analisis faktor. Gelagat diukur berdasarkan ciri-ciri seperti saranan Ajzen dan Fishbein<sup>43</sup> dan terdiri daripada 4 kenyataan menggunakan ukuran skala Likert 5 mata. Pemboleh ubah-pemboleh ubah ini diaplikasikan dalam model regresi berganda seperti berikut:

$$Y = b_0 + b_1 X_1 + \dots + b_n X_n$$

di mana,

$Y$  = gelagat kepatuhan zakat perniagaan

$b_0$  = intercept (tetap)

$b_1 X_1 + \dots + b_n X_n$  = komponen sikap ( $n$  bergantung kepada keputusan analisis faktor)

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Ajzen, Icek & Fishbein, Martin (1980), *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*, Englewood-Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Bagi tujuan ujian signifikan terhadap model di atas, nilai *t* bagi setiap pemboleh ubah digunakan sebagai ukuran. Nilai kritikal bagi tahap signifikan pada 0.05 dan 0.10 masing-masing ialah 1.96 dan 1.65<sup>44</sup>. Koefisien yang diperoleh daripada analisis regresi dijadikan petunjuk kepada kewujudan hubungan antara pemboleh ubah dan bukan bertujuan untuk membuat ramalan.

## HASIL KAJIAN

Sebanyak 700 soal selidik telah dihantar kepada subjek. Daripada jumlah tersebut, hanya 290 soal selidik telah dikembalikan oleh responden. Namun, hanya 279 soal selidik boleh digunakan bagi tujuan analisis. Responden adalah terdiri daripada 55% lelaki dan selebihnya, iaitu 45% adalah perempuan. Purata umur responden ialah 43 tahun dan purata usia perniagaan mereka pula ialah 9 tahun. Majoriti daripada responden telah berkahwin (68%) dan selebihnya ialah bujang (20%) dan lain-lain (12%).

Langkah pertama analisis data ialah menilai kedudukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Ujian ini menunjukkan bahawa instrumen sikap berada pada kedudukan yang baik apabila mencatatkan nilai Cronbach Alpha bernilai 0.80. Nilai KMO juga berada pada kedudukan yang baik, iaitu 0.91 dengan ujian kesferaan Bartlett adalah signifikan ( $p=0.000$ ). Perkara ini menunjukkan bahawa item-item ini mempunyai justifikasi yang sangat baik bagi konsistensi dan kesesuaian penggunaan analisis faktor.

Jadual 1 memaparkan hasil analisis faktor bagi item-item dalam kajian. Nilai beban faktor yang signifikan adalah tidak kurang daripada  $\pm 0.30$ . Nilai beban faktor  $\pm 0.3$  merupakan nilai minima bagi tujuan pentafsiran struktur sesuatu komponen<sup>45</sup>. Item yang mempunyai nilai beban faktor yang rendah daripada nilai ini digugurkan daripada senarai item-item kajian.

Keputusan analisis faktor menunjukkan terdapat lima komponen terbentuk yang mempunyai nilai eigen melebihi 1. Kelima-lima komponen ini dapat menerangkan sebanyak 62% kedudukan varian faktor sikap. Nilai keseragaman bagi semua item dalam setiap komponen adalah mencukupi, iaitu melebihi 0.50 untuk justifikasi analisis cabutan ke atas faktor matrik<sup>46</sup>. Komponen satu terdiri daripada tujuh item, komponen dua mempunyai lapan item dan diikuti dengan komponen tiga yang mempunyai empat item. Komponen

<sup>44</sup> Hair, *et al.* (2006). *op.cit.*, hh. 37-268.

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> *Ibid.*

empat dan kelima masing-masing diwakili oleh dua item. Kesemua komponen ini diberikan nama berdasarkan ciri-ciri item yang bersangkutan dengan komponen yang diwakilinya. Nama-nama yang dicadangkan ialah komponen satu (sikap menggalakkan), komponen dua (sikap positif), komponen tiga (sikap penolakan total), komponen empat (sikap bersyarat) dan komponen lima (sikap penolakan berprasyangka).

Jadual 1: Matriks Komponen Diputar (Varimax) bagi Sikap (N=279)

	Komponen				
	1	2	3	4	5
<b>Komponen 1 (Sikap Menggalakkan – 7 item)</b>					
Bayar kepada pejabat zakat dapat membantu umat Islam lain		.716			
Sesuatu yang digalakkan kerana zakat membawa berkat		.682			
Wajib bayar kepada pejabat zakat, ketepi soal pengurusan		.644			
Percaya kepada pejabat zakat		.563			
Bayar zakat kepada pejabat zakat satu tanggung-jawab		.538			
Banyak faedah saya dapat jika bayar kepada pejabat zakat		.463			
Membayar zakat kepada pejabat zakat dapat menyucikan harta		.390			
<b>Komponen 2 (Sikap Positif – 8 item)</b>					
Puas hati bayar kepada pejabat zakat bukan kepada individu		.807			
Suka bayar kepada pejabat zakat		.770			
Pasti bayar kepada pejabat zakat		.758			
Bayar zakat kepada pejabat zakat suatu tindakan yang tepat		.615			
Sokong zakat dibayar kepada pejabat zakat		.575			
Lapang dan senang hati bayar kepada pejabat zakat		.497			
Lebih elok bayar sendiri zakat kepada orang miskin		-.462			
Pasti bayar kepada pejabat zakat walaupun tanpa arahan		.416			

	<b>Komponen</b>				
	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<b>Komponen 3 (Sikap Penolakan Total – 4 item)</b>					
Saya hanya akan bayar kepada pejabat zakat jika didenda				.824	
Tidak perlu bayar pejabat zakat kerana ulama terdahulu tidak bayar				.653	
Saya serba salah untuk bayar zakat kepada pejabat zakat				.632	
Akan abaikan arahan pejabat zakat				.546	
<b>Komponen 4 (Sikap Bersyarat – 2 item)</b>					
Akur arahan pejabat zakat				.791	
Minta penerangan dulu				.693	
<b>Komponen 5 (Sikap Penolakan Berprasanika – 2 item)</b>					
Bimbang cara agihan wang zakat				.778	
Rasa was-was dengan pejabat zakat				.647	

*Nota:* Kaedah cabutan: Analisis komponen utama.

*Keadaan ini membawa maksud bahawa 33% varian dalam gelagat kepatuhan zakat dapat diterangkan melalui komponen-komponen sikap terhadap pembayaran zakat melalui institusi zakat. Selain itu, keputusan juga menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan positif yang signifikan antara komponen sikap positif dengan gelagat kepatuhan zakat. Komponen ini memperkuat hubungan positif yang signifikan pada tahap  $p < 0.05$  apabila mencatatkan nilai  $t = 5.804$ , iaitu melebihi 1.96. Hal ini menandakan bahawa semakin tinggi penerimaan positif masyarakat terhadap institusi zakat, semakin tinggi gelagat kepatuhan mereka. Dalam pada itu, komponen sikap penolakan berprasanika yang merekodkan nilai  $t$  melebihi -1.65 didapati signifikan pada tahap  $p < 0.10$ . Keadaan ini menandakan bahawa terdapat perkaitan*

## Analisis Regresi Berganda

Jadual 2 melaporkan hasil analisis regresi berganda. Secara keseluruhannya, model sikap bagi pembayaran zakat kepada institusi zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat perniagaan menunjukkan ramalan kepatuhan yang baik. Hasil kajian mendedahkan bahawa ramalan mengenai kepatuhan adalah 33% (adjusted  $R^2 = 0.33$ ). Keadaan ini membawa maksud bahawa 33% varian dalam gelagat kepatuhan zakat dapat diterangkan melalui komponen-komponen sikap terhadap pembayaran zakat melalui institusi zakat. Selain itu, keputusan juga menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan positif yang signifikan antara komponen sikap positif dengan gelagat kepatuhan zakat. Komponen ini memperkuat hubungan positif yang signifikan pada tahap  $p < 0.05$  apabila mencatatkan nilai  $t = 5.804$ , iaitu melebihi 1.96. Hal ini menandakan bahawa semakin tinggi penerimaan positif masyarakat terhadap institusi zakat, semakin tinggi gelagat kepatuhan mereka. Dalam pada itu, komponen sikap penolakan berprasanika yang merekodkan nilai  $t$  melebihi -1.65 didapati signifikan pada tahap  $p < 0.10$ . Keadaan ini menandakan bahawa terdapat perkaitan

negatif yang signifikan antara komponen ini dengan gelagat kepatuhan zakat. Walaubagaimanapun, tiga lagi komponen penerimaan, iaitu sikap menggalakkan, sikap penolakan total dan sikap penerimaan bersyarat didapati tidak signifikan (nilai  $t$  kurang daripada  $\pm 1.65$ ). Justeru, tiada keterangan kukuh diperolehi bagi menyokong hubungan komponen-komponen ini dengan gelagat kepatuhan zakat.

Jadual 2: Analisis Regresi Berganda Sikap terhadap Gelagat (N=279)

	Koefisien tidak terpiawai		Koefisien terpiawai		$t$	Signifikan
	B	Ralat piawai	Beta	B		
(Tetap)	4.100	1.591		2.577		.011
Sikap menggalakkan	.038	.062	.053	.609		.543
Sikap positif	.328	.057	.496	5.804		**.000
Sikap penolakan total	-.044	.065	-.043	-.673		.502
Sikap bersyarat	.046	.127	.023	.365		.715
Sikap penolakan berprasangka	-.186	.112	-.105	-1.664		*.097

Nota : \*\*Signifikan pada  $p < 0.05$ ;

\*Signifikan pada  $p < 0.10$ ; boleh ubah bersandar = gelagat;  
adjusted  $R^2 = 0.33$ ; Statistik F = 23.6 (sig=0.000).

## PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan atas dua tujuan. Pertama, bagi memeriksa kedudukan sikap peniaga Muslim mengenai pembayaran zakat kepada institusi zakat. Kedua, bagi mengkaji hubungan antara bentuk sikap ini dengan gelagat kepatuhan zakat. Skop kajian merupakan peniaga tunggal dan perkongsian Muslim sekitar negeri Kedah yang aktif menjalankan perniagaan dan tertakluk kepada peraturan pembayaran zakat perniagaan. Keputusan kajian dari segi bentuk sikap peniaga terhadap institusi zakat menunjukkan terdapat lima bentuk komponen. Komponen-komponen tersebut ialah sikap menggalakkan, sikap positif, sikap penolakan total, sikap bersyarat dan sikap penolakan berprasangka.

Sikap menggalakkan merupakan bentuk penerimaan masyarakat secara am berkenaan pembayaran zakat kepada institusi zakat. Dalam komponen ini, peniaga secara keseluruhannya percaya dan akur dengan peraturan yang telah

ditetapkan. Sikap positif pula menunjukkan peniaga menerima secara positif terhadap peraturan tersebut. Rata-rata peniaga berpuas hati dan bersedia untuk membayar zakat kepada institusi zakat. Sikap penolakan total merupakan pandangan negatif peniaga terhadap peraturan tersebut. Dalam komponen ini, peniaga melahirkan rasa serba salah dan menolak peraturan tersebut. Sikap bersyarat pula adalah kedudukan yang menunjukkan bahawa peniaga menerima arahan tersebut tetapi mempunyai syarat-syarat tertentu sebelum ianya dipatuhi. Dua syarat utama yang dikenalpasti ialah menunggu arahan dan penerangan terlebih dahulu daripada institusi zakat. Komponen terakhir, iaitu sikap penolakan berprasangka merupakan kedudukan pandangan peniaga yang mempunyai prasangka terhadap institusi zakat. Dua bentuk prasangka itu ialah rasa was-was dan bimbang dengan cara institusi zakat melaksanakan urusan zakat.

Bentuk-bentuk sikap ini secara tidak langsung menyokong saranan teori latitud sikap dan konsisten dengan dapatan kajian Kamil dan Ahmad Mahdzan<sup>47</sup> dan Zainol dan Kamil<sup>48</sup> dalam bidang zakat gaji. Kedudukan julat sikap adalah berkedudukan antara positif (sikap menggalakkan) hingga ke negatif (sikap penolakan total). Justeru, sikap terhadap institusi zakat boleh diklasifikasi kepada beberapa bentuk. Bentuk sikap inilah yang mempengaruhi gelagat kepatuhannya.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa gelagat kepatuhan zakat perniagaan adalah secara signifikannya ditentukan oleh sikap positif dan sikap penolakan berprasangka masyarakat. Sikap positif berkait secara positif dan signifikan dengan gelagat kepatuhan pada tahap  $p<0.05$ . Keadaan ini menandakan bahawa gelagat kepatuhan peniaga akan meningkat sejajar dengan peningkatan sikap mereka yang positif terhadap institusi zakat. Bagi sikap penolakan berprasangka, terdapat perkaitan negatif yang signifikan pada tahap  $p<0.10$  dengan gelagat kepatuhan zakat. Perkara ini menunjukkan bahawa semakin tinggi penolakan berprasangka peniaga, semakin kurang gelagat kepatuhan zakatnya. Keputusan ini agak selari dengan dapatan kajian sebelumnya dalam bidang zakat gaji. Dalam kajian Kamil dan Ahmad Mahdzan, sikap positif, sikap was-was dan sikap bersyarat didapati mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat gaji secara positif dan signifikan.<sup>49</sup> Zainol dan Kamil

<sup>47</sup> Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002), *op.cit.*, hh. 171-191.

<sup>48</sup> Zainol Bidin & Kamil Md. Idris (2008), “The Role of Attitude and Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income”, *IKaZ International Journal of Zakat*, 1(1), hh. 113-134.

<sup>49</sup> Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002), *op.cit.*, hh. 171-191.

pula melaporkan perkaitan positif signifikan antara sikap positif dan bersyarat dengan niat gelagat kepatuhan.<sup>50</sup>

Secara amnya, sikap positif menunjukkan peniaga bersetuju dengan peraturan membayar zakat kepada institusi zakat. Hal ini mungkin kerana zakat adalah satu daripada bentuk liabiliti kehartaan yang wajib dibayar bagi membantu saudara seagama dan memberikan banyak faedah kepada diri dan juga negara. Zakat bukan sahaja dapat menyuburkan harta, malah ia juga merupakan satu bentuk penyucian diri dan sebagai tanda syukur kepada Allah SWT. Walaubagaimanapun, sikap ini bukan satu perkara yang mudah untuk direalisasikan. Tambahan pula isu yang melibatkan pembayaran zakat kepada institusi zakat adalah sesuatu yang kompleks dan memerlukan penerimaan secara sepenuhnya oleh masyarakat. Ada di kalangan masyarakat yang masih menganggap bahawa pembayaran zakat terus kepada asnaf adalah lebih baik dan efektif. Walaupun berlakunya lebihan wang zakat berjuta-juta ringgit setiap tahun, namun masalah kemiskinan masih membelenggu masyarakat. Keadaan yang mana di dalam komuniti masyarakat sendiri masih banyak orang miskin yang memerlukan bantuan tidak menerimanya daripada institusi zakat. Justeru, situasi ini sedikit sebanyak mempengaruhi sikapnya. Imej dan reputasi institusi zakat sering menjadi perhatian orang ramai. Sikap peniaga amat bergantung kepada usaha institusi untuk meningkatkan kredibilitinya terutama dalam urusan agihan wang zakat.

Keputusan kajian yang menunjukkan pengaruh sikap penolakan berprasangka terhadap gelagat kepatuhan perlu diberi perhatian oleh institusi zakat. Masyarakat didedahkan dengan pelbagai bentuk tafsiran dan polemik yang boleh mengelirukan mereka. Sebagai contoh, pendedahan salah laku pegawai dan kelemahan institusi melalui media sedikit sebanyak mencetuskan rasa bimbang dan was-was masyarakat terhadap integriti institusi<sup>51</sup>. Justeru, institusi zakat perlu bijak menyusun strategi bagi mengelak rasa curiga yang melampau terhadap mereka. Antara langkah yang boleh diambil adalah seperti menerbitkan buletin, laporan kewangan dan artikel-artikel di dalam akhbar atau majalah berkenaan aktiviti yang dilaksanakan oleh mereka. Tulisan-tulisan yang berbentuk ilmiah oleh pegawai-pegawai zakat mampu mengurangkan rasa tidak senang masyarakat. Lebih utama lagi, institusi zakat dapat menyalurkan maklumat sebenar mengenai sesuatu isu yang dibangkitkan dan bukan seperitimana yang didedahkan oleh pihak luar selain daripada institusi zakat.

Sebelum hasil kajian ini dapat dijadikan sandaran am bagi gelagat kepatuhan zakat, batasan-batasan kajian perlu dipertimbangkan terlebih dahulu. Antaranya

<sup>50</sup> Zainol Bidin & Kamil Md. Idris (2008), *op. cit.*, hh. 113-134.

<sup>51</sup> “Institusi Zakat Dipertikai”, *Utusan Malaysia*, 3 Disember 2001.

ialah fokus kajian yang hanya tertumpu di negeri Kedah dan skopnya hanyalah di kalangan peniaga. Perkara ini mungkin agak terbatas untuk dibuat sandaran am tentang kedudukan bentuk penerimaan peniaga dan gelagat kepatuhan dalam konteks zakat perniagaan. Justeru, adalah dicadangkan agar kajian pada masa akan datang dibuat di seluruh Malaysia dan diluaskan skopnya kepada masyarakat dalam sektor lain bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai penerimaan masyarakat terhadap institusi zakat.

## KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan memahami bentuk sikap peniaga Muslim terhadap pembayaran zakat secara rasmi melalui institusi zakat. Keputusan kajian mendedahkan bahawa bentuk sikap ini boleh diwakili oleh lima komponen, iaitu sikap menggalakkan, sikap positif, sikap penolakan total, sikap bersyarat dan sikap penolakan berprasangka. Dua daripada komponen ini, iaitu sikap menggalakkan dan sikap penolakan berprasangka didapati mempunyai hubungan positif dan negatif yang signifikan dengan gelagat kepatuhan zakat. Dapatan ini adalah selari dengan saranan teori dan konsisten dengan kajian-kajian sebelumnya dalam bidang zakat gaji. Keadaan ini mengukuhkan lagi andaian bahawa sikap peniaga boleh dikategorikan dalam pelbagai bentuk. Bentuk-bentuk inilah yang memainkan peranan dalam menentukan keputusan seseorang mengenai kepatuhan zakatnya.

Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak sama ada membuat polisi atau institusi zakat itu sendiri. Usaha-usaha bagi meningkatkan jumlah pembayar zakat haruslah dimulakan dengan memberi perhatian serius kepada tahap kesediaan masyarakat untuk membayar zakat kepada institusi zakat. Keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi perlu dititikberatkan memandangkan ia mempunyai pengaruh yang kuat terhadap gelagat kepatuhan. Institusi zakat perlu membina penerimaan positif masyarakat dengan meningkatkan ketelusan dan pendedahan secara menyeluruh mengenai segala urusan berkaitan zakat yang sedang atau telah atau akan dilaksanakan. Institusi zakat juga wajar memberi tumpuan kepada usaha-usaha bagi mengurangkan rasa bimbang dan was-was terhadap mereka. Ketelusan dalam melaksanakan urusan kutipan dan agihan perlu diperkasakan agar tidak menimbulkan sebarang syak yang tidak baik mengenai institusi. Kepercayaan masyarakat yang tinggi mampu menarik lebih ramai masyarakat untuk membayar zakat. Perkara ini secara langsung akan meningkatkan kutipan zakat dan proses membangunkan ummah dapat dilaksanakan dengan lebih baik berbanding masa sekarang.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rahman (2005), “Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat”, dalam Abd Halim Mohd Nor (ed.), *Isu-Isu Kontemporari Zakat Di Malaysia* (Vol. 1). Alor Gajah Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia (IkaZ).
- Audit Ghazali (1989), “Fenomena Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi - Satu Analisis Empirik”, dalam Mohd Ali Baharom (ed.), *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-Undang Dan Taksiran*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1-27.
- Ajzen, Icek. (2005). *Attitudes, Personality and Behavior*, second edition. New York, USA: Open University Press.
- Ajzen, Icek & Fishbein, Martin (1980), *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood-Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bobek, Donna D. & Hatfield, Richard. C. (2003), “An Investigation of the Theory of Planned Behavior and the Role of Moral Obligation in Tax Compliance”, *Behaviorial Research in Accounting*, 15, 13-38.
- Conner, Mark & McMillan, B. (1999), “Interaction Effects in the Theory of Planned Behavior: Studying Cannabis Use”, *British Journal of Social Psychology*, 38, 195-222.
- Data Kutipan Zakat Perniagaan (2007), Pejabat Zakat Negeri Perlis, Kangar, Perlis.
- Foad, Mohamad Helmi (2002), “Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat”, *Utusan Malaysia*, 4 Mei 2002.
- Giles, M. & Cairns, E. (1995), “Blood Donation and Ajzen’s Theory of Planned Behavior: An Examination of Perceived Behaviorial Control”, *British Journal of Social Psychology*, 34, 173-188.
- Hagger, Martin S. & Chatzisarantis, Nikos. L. D. (2005), “First- and Higher-order Models of Attitudes, Normative Influence, and Perceived Behavioural Control in the Theory of Planned Behaviour”, *British Journal of Social Psychology*, 44(4), 513-535.
- Hair, Joseph F., Black, William C., Babin, Barry J., Anderson, Rolph E. & Tatham, Ronald L. (2006), *Multivariate Data Analysis*, Sixth Edition, New Jersey: Pearson International Edition.
- Hanno, Dennis M. & Violette, George R. (1996), “An Analysis of Moral and Social Influences on Taxpayer Behavior”, *Behavioral Research in Accounting*, 8, 57-75.
- “Institusi Zakat Dipertikai”, *Utusan Malaysia*, 3 Disember 2001.

- JAKIM (2007), “Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat”, 17 Januari 2007.
- Kamil, Md. Idris (2002), “Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji Di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan Negeri Kedah”, (Tesis PhD, Universiti Utara Malaysia, Sintok).
- Kamil, Md. Idris & Ahmad Mahdzan, Ayob (2002), “Peranan Sikap Dalam Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji”, *Analisis*, 9(1 & 2), 171-191.
- Kamil, Md. Idris, Ayoib, Che Ahmad, Zainol, Bidin, Nor Shaipah, Abdul Wahab, Nor Afza, Amran & Haslinda, Hassan (2006), “Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian Di Malaysia”, (Manuskrip Projek IRPA, tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok).
- Mohammad Azam Hussain & Zuryati Mohamed Yusoff (2005), “Undang-undang Zakat Di Negeri Kedah: Satu Tinjauan”, *Ulum Islamiyyah – The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 4 (1), 63-86.
- Mohd Ali, Baharom (1989), “Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia”, dalam Mohd Ali Baharom (ed.), *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-Undang Dan Taksiran*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1-27.
- Mohd Daud, Bakar (1998), “The Malaysian Zakat System: Law and Policy Reform”, (Kertas kerja dibentangkan di Seminar Zakat dan Percukaian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur).
- Mohd Safri, Mahat (2006), “Zakat Perniagaan: Cabaran Pelaksanaan di Malaysia”, dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 174-197.
- Mohd Sani, Harun (2007), *Data Pecahan Kutipan Zakat Perniagaan 2006*, Jabatan Zakat Negeri Kedah, Alor Star.
- Mueller, D. J. (1986). *Measuring Social Attitudes*. New York: Teachers College.
- Muhammad Syukri, Salleh (2006), “Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis”, dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 213-227.
- Rah, Jee Hyun, Hasler, Clare M., Painter, James. E. & Chapman-Novakofski, Karen. M. (2004), “Applying the Theory of Planned Behavior to Women’s Behavioral Attitudes on Consumption of Soy Products”, *Journal of Nutrition Education Behavior*, 36, 238-244.

- Rhodes, Ryan E. & Courneya, Kerry S. (2003), "Investigating Multiple Components of Attitude, Subjective Norm and Perceived Control: An Examination of the Theory of Planned Behaviour in the Exercise Domain", *British Journal of Social Psychology*, 42, 129-146.
- Sherif, M. & Hovland, C. I. (1961), *Social Judgement: Assimilation and Contrast Effects in Communication and Attitude Change*. New Haven: CT: Yale University Press.
- Siti Mashitoh, Mahmood (2007), "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan", (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, PWTC Kuala Lumpur).
- Taylor, Shirley & Todd, Peter (1995), "Decomposition and Crossover Effects in the Theory of Planned Behavior: A Study of Consumer Adoption Intentions", *International Journal of Research in Marketing*, 12, 137-155.
- Yusuf Qardawi (1988), *Hukum Zakat*, Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hassanuddin (terj.), Singapura, Pustaka Nasional.
- Zainol, Bidin & Kamil, Md. Idris (2008), "The Role of Attitude and Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income", *IKaZ International Journal of Zakat*, 1(1), 113-134.